



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	31/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	-			

### lokal

# Periksa elektrik percuma 52 rumah

*Jegan sanggup tinggalkan perniagaan di Mantin bantu periksa pendawaian elektrik di rumah mangsa banjir*

Putrajaya

**A**bang, boleh datang periksa elektrik rumah saya? Abang, betul ke periksa elektrik percuma sahaja?"

Itu antara persoalan diterima Jegan Perumal, 32, yang menawarkan perkhidmatan memeriksa pendawaian elektrik secara percuma kepada mangsa banjir di Taman Sri Muda, Shah Alam sepanjang minggu lepas.

Pengarah JP Global Engineering yang mempromosikan khidmat percuma melalui TikTok dan laman sosialnya itu sanggup menghentikan sementara operasi perniagaannya di Mantin, Negeri Sembilan, selama lima hari bermula 21 Disember bagi memberi tumpuan kepada khidmat sukarela ini.

"Saya lihat ramai yang buat macam-macam tugas sukarelawan seperti mencuci rumah, menghantar makanan dan sebagainya. Saya terfikir aspek keselamatan elektrik juga amat penting berikutan tidak tahu mengenai tahap kerosakan elektrik pascabanjir," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Jegan yang berasal dari Gua Musang, Kelantan, beliau yang bergerak secara persendirian bagi memberikan khidmat itu telah memeriksa sistem pendawaian di 52 buah rumah di Taman Sri Muda, Shah Alam setakat ini dengan pemeriksaan tertinggi sebanyak 28 rumah sehari pada 25 Disember lepas.

Katanya, perkhidmatan diberikan adalah berdasarkan permintaan individu yang menghubunginya, dan beliau masih lagi menerima permintaan pemeriksaan percuma dari kawasan Sebang dan ada juga yang jauh dari Bentong, Pahang.

Jegan memperuntukkan waktu minimum 15 minit bagi memeriksa setiap rumah dengan menggunakan penguji soket dan ada rumah pula mencecah dua jam (untuk diperiksa) bergantung kepada tahap kritikal kerosakan elektrik.

Penguji soket berfungsi sebagai alat uji yang digunakan untuk menguji sesuatu susunan pendawaian dalam alir soket bagi menentukan ia berada dalam keadaan baik atau sebaliknya.

"Berdasarkan pemeriksaan dilakukan, hampir 90 pe-



JEGAN memeriksa elektrik di rumah mangsa banjir.

ratus rumah tidak mematuhi piawaian elektrik yang ditetapkan iaitu rata-rata mereka menyambung terlalu banyak peralatan elektrik pada satu soket, terutamanya di dapur.

"Beban litar elektrik boleh menyebabkan litar pintas dan menjadi punca utama kebakaran," kata Jegan yang turut menyalurkan khidmat nasi-

hat bagi isi rumah yang didapati menggunakan kapasiti elektrik berlebihan.

Di sebalik khidmat diberikan, Jegan berkata, beliau menyaksikan sendiri sifat kerjasama dan inisiatif bersatu-padu wujud antara puhan sukarelawan yang turun padang menyantuni mangsa banjir seperti mencuci rumah dan menghantar bekalan makanan serta pakaian.

"Mereka mungkin tidak kenal antara satu sama lain namun setiap khidmat diberikan dilakukan dengan ikhlas dan sepenuh hati.

"Ada juga mangsa banjir menghururkan duit bagi membayar perkhidmatan saya walaupun mereka sendiri berdepan kesukahan namun selepas saya terangkan pada mereka bahawa ia adalah percuma, mereka amat berterima kasih kepada saya," kata Jegan.



**“Aspek keselamatan elektrik amat penting Jegan”**

JEGAN tawar khidmat pemeriksaan elektrik untuk mangsa banjir secara percuma.